



UNTUK SIARAN SEGERA

29 OGOS 2024

Wasco Catat Lonjakan Buku Pesanan RM3.7 Bilion, Rekod Prestasi Kukuh H1 TK2024

KUALA LUMPUR, 29 Ogos – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”) hari ini mengumumkan keputusan kewangannya yang belum diaudit untuk separuh pertama tahun fiskal 2024 (“H1 TK2024”), melaporkan pertumbuhan yang kukuh didorong oleh segmen Perkhidmatan Tenaga dan kemajuan ketara dalam projek-projek utamanya.

Bagi H1 TK2024, Kumpulan meneruskan trajektori pertumbuhannya dengan peningkatan sebanyak 20.9% Tahun ke Tahun (“Y-o-Y”) dalam pendapatan kepada RM1.35 bilion, berbanding RM1.11 bilion dalam separuh pertama TK2023 (“H1 TK2023”). Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) melonjak 70.5% kepada RM145.5 juta, manakala Keuntungan Bersih mencecah RM106.4 juta, mencerminkan tumpuan Kumpulan terhadap kecekapan operasi dan pelaksanaan.

Buku pesanan Kumpulan meningkat sebanyak 15% berbanding suku sebelumnya dan kini berjumlah RM3.7 bilion, dengan RM3.4 bilion adalah daripada segmen Perkhidmatan Tenaga. Kontrak utama termasuk projek Tangkapan dan Penyerapan Karbon (“CCS”) sulung Malaysia di luar pantai Sarawak yang diperoleh oleh bahagian Perkhidmatan Saluran Paip kami, serta projek pembangunan luar pesisir yang signifikan di Timur Tengah, yang yang dianugerahkan kepada bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan & Fabrikasi kami. Pencapaian ini menekankan strategi Wasco untuk meluaskan asas pendapatannya dan memanfaatkan peluang merentasi pelbagai perkhidmatannya yang diterokai. Segmen Perkhidmatan Biotenaga menyumbang sebanyak RM294.1 juta kepada buku pesanan, berikutan usaha penerokaan peluang pertumbuhan di kawasan khatulistiwa. Buku pesanan yang kukuh ini dijangka memberi kesan positif kepada prestasi kewangan Kumpulan pada suku tahun akan datang.

“Prestasi kami pada separuh pertama TK2024 menyerahkan keupayaan kami untuk memanfaatkan aliran hasil yang pelbagai merentasi pelbagai pasaran. Pendekatan strategik ini memastikan kestabilan kami dan meletakkan kami untuk kejayaan jangka panjang yang mampan,” kata **Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Giancarlo Maccagno**. “Segmen Perkhidmatan Tenaga telah menjadi pemacu pertumbuhan utama, disokong oleh buku pesanan yang kukuh dan pelaksanaan projek yang berkesan. Walaupun

terdapat sedikit penurunan dalam hasil dan keuntungan, prestasi bahagian Perkhidmatan Biotenaga kami kekal di landasan yang tepat, didorong oleh peningkatan permintaan dalam projek dandang tenaga biojisimnya. Berbekalkan beberapa projek baharu yang telah berjaya diperolehi, kami menjangkakan peningkatan ketara dalam prestasi bahagian dalam beberapa suku akan datang.”

Segmen Perkhidmatan Tenaga Wasco, yang merangkumi Perkhidmatan Saluran Paip dan Kejuruteraan & Fabrikasi, mencatatkan peningkatan sebanyak 24.6% dalam pendapatan kepada RM1.2 bilion untuk H1 TK2024. PBT segmen ini meningkat 54.2% kepada RM130.7 juta, disokong oleh pelaksanaan beberapa projek utama dan pengurusan kos yang berdisiplin. Pencapaian penting pada suku tersebut termasuk penyiapan fasa pemuatan untuk Projek Pembangunan Medan Blok B-17-01 JDA dan penyampaian modul kritikal yang dijadualkan lebih awal untuk projek FPSO Angola.

Dalam **segmen Perkhidmatan Biotenaga**, PBT untuk H1 TK2024 melonjak 130% kepada RM45.6 juta, walaupun terdapat sedikit penurunan dalam pendapatan kepada RM120.0 juta. Keuntungan bahagian ini terjejas oleh oleh keuntungan sekali sahaja daripada pelupusan aset yang dipegang untuk jualan pada separuh pertama tahun ini.

Untuk unjuran kehadapan Kumpulan, Maccagno menekankan fokus strategik Wasco untuk memanfaatkan peluang yang muncul dalam sektor tenaga dan biotenaga. “Dengan buku pesanan yang kukuh dan kecermerlangan operasi yang berterusan, kami berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan pertumbuhan dan memberikan nilai kepada para pemegang saham kami lantas mengemudi landskap pasaran yang semakin berkembang.”

Seiring dengan usaha Wasco untuk memperluaskan impaknya, Kumpulan dengan bangganya melaporkan bahawa visi Wasco untuk menyediakan penyelesaian yang kukuh dan kompetitif kepada industri tenaga sambil mencapai sasaran sifar karbon bersih menjelang tahun 2026 kekal berada di landasan yang tepat. Kemajuan ini mencerminkan tekad Wasco untuk memimpin dengan berbekalkan tujuan yang baik, di samping meneroka batasan inovasi dan kelestarian dalam setiap projek dan operasinya. Sebagai pengiktirafan terhadap komitmen Wasco dalam aspek alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (“ESG”), Kumpulan telah dimasukkan dalam indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah pada suku ini, sekali gus meningkatkan daya tarikan kepada pelabur yang memfokuskan kepada ESG.

-tamat-

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), yang ditubuhkan pada tahun 1999, ialah penyedia penyelesaian tenaga terkemuka dengan kehadiran global di 16 negara. Kekuatan teras Kumpulan terletak pada dua bahagian yang berbeza. Bahagian Perkhidmatan Tenaga adalah pakar dalam salutan paip lanjutan, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penghantaran projek EPC. Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, memenuhi pelbagai sektor termasuk perladangan, petchem, oleokimia dan pemain industri besar.

Sebagai entiti tersenarai Pasaran Utama di Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar. Organisasi itu telah menetapkan sasaran kukuh untuk mencapai pelepasan karbon bersih-sifar sepanjang operasinya menjelang 2026. Strategi penyahkarbonan Wasco bermula dengan mengurangkan pelepasan dalam operasi dan rantaian bekalannya, ditambah dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Wasco mengiktiraf tumpuan penting untuk melabur dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam mengasingkan karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kekayaan biodiversitinya, tetapi juga berfungsi sebagai penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Projek berasaskan alam semula jadi menjana kredit karbon, yang memainkan peranan penting dalam perjalanan kami untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2026. Sebahagian penting daripada komitmen ini berkisar pada inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Lanjutan dedikasi terhadap tanggungjawab alam sekitar ini, Wasco bertekad dalam komitmennya terhadap peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berkesan memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif terus meneroka perkongsian strategik. Kumpulan menekankan pemanfaatan pertumbuhan dalam rantaian nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih mampan bagi industri tenaga.

Disiarkan oleh **Wasco Berhad**. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) atau Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*



FOR IMMEDIATE RELEASE

29 AUGUST 2024

Wasco Highlights Soaring RM3.7 Billion Orderbook amid Strong H1 FY2024 Performance

KUALA LUMPUR, 29 August – Wasco Berhad (“Wasco” or the “Group”) today announced its unaudited financial results for the first half of fiscal year 2024 (“H1 FY2024”), reporting steady growth driven by its Energy Services segment and significant progress on major projects.

For H1 FY2024, the Group continued its growth trajectory with a 20.9% Year-on-Year (“Y-o-Y”) increase in revenue to RM1.35 billion, compared to RM1.11 billion in the first half of FY2023 (“H1 FY2023”). Profit Before Tax (“PBT”) surged 70.5% to RM145.5 million, while Net Profit reached RM106.4 million, reflecting the Group’s focus on operational efficiency and execution.

The Group’s orderbook grew by 15% compared to the previous quarter and now stands at RM3.7 billion, with RM3.4 billion attributed to the Energy Services segment. Key contracts include Malaysia’s inaugural Carbon Capture and Sequestration (“CCS”) project off the coast of Sarawak, secured by our Pipeline Services division, and a significant offshore development project in the Middle East, awarded to our Engineering & Fabrication Services division. These wins emphasise Wasco’s strategy of broadening its earnings base and capitalising on emerging opportunities across its diverse service offerings. The Bioenergy Services segment contributed RM294.1 million to the orderbook, as the Group continues to explore growth opportunities in the equatorial belt. This robust orderbook is expected to positively impact the Group’s financial performance in the coming quarters.

“Our performance in the first half of FY2024 highlights our ability to leverage diverse revenue streams across multiple markets. This strategic approach ensures our stability and positions us for sustained long-term success,” said **Wasco’s Managing Director/Group CEO Giancarlo Maccagno**. “The Energy Services segment has been a key growth driver, supported by a strong orderbook and effective project execution. Despite a slight decline in revenue and profit, our Bioenergy Services division performance remains on track, driven by increased demand in its biomass energy boiler projects. With new projects secured, we anticipate significant improvements in the division’s performance over the next few quarters.”

Wasco's **Energy Services segment**, which includes Pipeline Services and Engineering & Fabrication, posted a 24.6% increase in revenue to RM1.2 billion for H1 FY2024. The segment's PBT rose 54.2% to RM130.7 million, supported by the completion of several key projects and disciplined cost management. Key milestones during the quarter included the completion of the loadout phase for the JDA Block B-17-01 Field Development Project and the ahead-of-schedule delivery of critical modules for the Angola FPSO project.

In the **Bioenergy Services segment**, PBT for H1 FY2024 surged 130% to RM45.6 million, despite a slight decline in revenue to RM120.0 million. The division's profitability were impacted by a one-off gain from the disposal of assets held for sale during the first half of the year.

Looking ahead, Maccagno emphasised Wasco's strategic focus on capitalising on emerging opportunities in the energy and bioenergy sectors. "With a solid orderbook and continued operational excellence, we are well-positioned to sustain growth and deliver value to our shareholders as we navigate the evolving market landscape."

As Wasco continues to expand its impact, the Group is proud to report that its vision of delivering reliable and competitive solutions to the energy industry while achieving net zero carbon emissions by 2026 is firmly on track. This progress reflects Wasco's determination to lead with purpose, pushing the boundaries of innovation and sustainability across its projects and operations. In recognition of its dedication to environmental, social, and governance ("ESG") commitment, the Group was included in the FTSE4Good Bursa Malaysia and FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah indices this quarter, enhancing its appeal to ESG-focused investors.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 16 countries. The Group's core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petchem, oleochemicals and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility. The organisation has set a bold target to achieve net-zero carbon emissions throughout its operations by 2026. Wasco's decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of the natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity, but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. Nature-based projects generate carbon credits, which are instrumental in our journey to achieve net-zero emissions by 2026. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by **Wasco Berhad**. For media enquiries, please contact Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).